



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN

MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS

2025 APRIL
APRIL



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN
MONTHLY EXTERNAL TRADE STATISTICS

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Mei 2025 / *Published in May 2025*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 1394 – 908X

KANDUNGAN
CONTENTS

I	Ringkasan Penemuan Summary of Findings	1
II	Jadual Statistik Statistical Tables	
1	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK, IMPORT, JUMLAH DAGANGAN DAN IMBANGAN DAGANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS, IMPORTS, TOTAL TRADE AND BALANCE OF TRADE (RM MILLION)</i>	23
2 (a)	EKSPORT - DATA ASAL & PELARASAN MUSIM (RM JUTA) <i>EXPORTS - ORIGINAL DATA & SEASONALLY ADJUSTED (RM MILLION)</i>	24
2 (b)	IMPORT - DATA ASAL & PELARASAN MUSIM (RM JUTA) <i>IMPORTS - ORIGINAL DATA & SEASONALLY ADJUSTED (RM MILLION)</i>	25
3	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK DAN IMPORT MENGIKUT SEKSYEN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS AND IMPORTS BY COMMODITY SECTIONS (RM MILLION)</i>	26
4	EKSPORT, EKSPORT DOMESTIK DAN IMPORT MENGIKUT BAHAGIAN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS, DOMESTIC EXPORTS AND IMPORTS BY COMMODITY DIVISIONS (RM MILLION)</i>	27
5	KADAR PERTUMBUHAN EKSPORT DAN IMPORT BAGI NEGARA TERPILIH <i>EXPORTS AND IMPORTS GROWTH RATES FOR SELECTED COUNTRIES</i>	33
6	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT NEGARA (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY COUNTRY (RM MILLION)</i>	34
7	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT KUMPULAN EKONOMI (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY ECONOMICS GROUPING (RM MILLION)</i>	39
8	EKSPORT & IMPORT MENGIKUT SEKTOR DAN BARANGAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORTS & IMPORTS BY SECTOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	41
9	EKSPORT BARANGAN UTAMA DAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORT OF MAJOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	43
10	IMPORT BARANGAN UTAMA DAN TERPILIH (RM JUTA) <i>IMPORT OF MAJOR AND SELECTED COMMODITIES (RM MILLION)</i>	48

11	EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT MOD PENGANGKUTAN BAGI SALURAN TERPILIH (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY MODE OF TRANSPORT FOR SELECTED CHANNELS (RM MILLION)</i>	54
12	EKSPORT DAN IMPORT NEGERI MENGIKUT PINTU KELUAR DAN MASUK (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY STATE BASED ON EXIT AND ENTRY POINTS (RM MILLION)</i>	55
13	EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI (RM JUTA) <i>EXPORTS AND IMPORTS BY LOCATION (RM MILLION)</i>	57
14	PERDAGANGAN LANGSUNG LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN DENGAN DAN MELALUI SINGAPURA (EKSPORT, IMPORT, DAN IMBANGAN PERDAGANGAN) (RM JUTA) <i>DIRECT FOREIGN TRADE AND TRADE WITH AND VIA SINGAPORE (EXPORTS, IMPORTS, AND BALANCE OF TRADE) (RM MILLION)</i>	58
15	EKSPORT BARANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI KATEGORI EKONOMI UMUM (RM JUTA) <i>EXPORTS OF COMMODITIES BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES CLASSIFICATIONS (RM MILLION)</i>	59
16	IMPORT BARANGAN MENGIKUT KLASIFIKASI KATEGORI EKONOMI UMUM (RM JUTA) <i>IMPORTS OF COMMODITIES BY BROAD ECONOMIC CATEGORIES CLASSIFICATIONS (RM MILLION)</i>	61
17	IMPORT MENGIKUT PENGGUNAAN AKHIR (RM JUTA) <i>IMPORTS BY END USE (RM MILLION)</i>	63
18	EKSPORT PRODUK HALAL MENGIKUT PENGKELASAN BARANGAN (RM JUTA) <i>EXPORTS OF HALAL PRODUCTS BY COMMODITY CLASSIFICATION (RM MILLION)</i>	65
19	PURATA KADAR PERTUKARAN, 2015 – 2024 <i>AVERAGE EXCHANGE RATES, 2015 - 2024</i>	66
20	TARIKH PENGELUARAN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI, JANUARI – DISEMBER 2024 <i>RELEASE DATES FOR EXTERNAL TRADE STATISTICS, JANUARY – DECEMBER 2024</i>	67



BAHAGIAN I

RINGKASAN *SUMMARY*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

APRIL
2025

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA

Perangkaan Perdagangan Luar Negeri,
Apr 2024 – Apr 2025 (RM bilion)



JUMLAH DAGANGAN

RM261.9 bil.
▲ 18.2%

IMBANGAN DAGANGAN

RM5.2 bil.
▼ 33.0%

EKSPORT

RM133.6 bil.
▲ 16.4%

IMPORT

RM128.4 bil.
▲ 20.0%

Import bagi BEC & Penggunaan Akhir

Barangan
Perantara

45.3%

RM58.2 bil.
▼ 1.7%

Barangan
Modal

18.4%

RM23.6 bil.
▲ 114.1%

Barangan
Penggunaan

7.5%

RM9.7 bil.
▼ 0.7%

3 Rakan Dagangan Utama

Eksport

China
RM14.4 bil.
▲ 2.1%

China




RM29.8 bil.
▲ 20.6%

Import

Amerika
Syarikat
RM19.2 bil.
▲ 45.6%

Amerika
Syarikat



RM18.5 bil.
▲ 111.8%

Singapura
RM23.0 bil.
▲ 26.1%

Singapura



RM14.0 bil.
▲ 0.6%

Prestasi Eksport & Import Bagi Sektor



Pembuatan

RM115.8 bil.
▲ 19.0%

RM110.9 bil.
▲ 24.9%



Perlombongan

RM8.1 bil.
▼ 1.3%

RM7.1 bil.
▼ 24.4%



Pertanian

RM8.5 bil.
▲ 3.5%

RM7.2 bil.
▲ 10.8%

Dagangan dengan ASEAN

EKSPORT

RM40.7 bil.
▲ 18.3%

SUMBANGAN:
25.8%

IMPORT

RM26.9 bil.
▲ 1.9%

Nota:

1. Semua perubahan adalah berdasarkan perbandingan tahun ke tahun.
2. Data bulan April 2025 adalah data awalan dan tertakluk kepada pindaan dalam keluaran berikutnya.
3. Laporan ini boleh diperolehi daripada laman portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) di bawah ruangan: Siaran Terkini.

Sumber : Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, April 2025
Jabatan Perangkaan Malaysia



@StatsMalaysia



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, APRIL 2025


Prestasi perdagangan Malaysia mengekalkan trend positif pada April 2025 sejajar dengan peningkatan eksport dan import, tahun ke tahun. Jumlah perdagangan meningkat RM40.3 bilion atau 18.2 peratus tahun ke tahun mencecah nilai RM261.9 bilion.

Walau bagaimanapun, imbalan dagangan mencatatkan pengurangan RM2.6 bilion, menyusut 33.0 peratus berbanding RM7.7 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Perbandingan secara bulanan menunjukkan eksport dan lebihan dagangan merosot masing-masing 2.7 peratus dan 79.1 peratus, sementara import dan jumlah dagangan meningkat 14.1 peratus dan 4.8 peratus.

Bagi tempoh Januari hingga April 2025, prestasi jumlah dagangan, eksport dan import mengekalkan pertumbuhan positif berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Jumlah dagangan meningkat 7.2 peratus, disokong oleh peningkatan eksport (+7.3%), import (+7.0%) dan lebihan dagangan (+10.4%).

Carta 1: Prestasi Perdagangan: Bulanan, Suku Tahunan & Tahunan



EKSPORT

Prestasi Eksport Malaysia pada April 2025
terus mencatatkan pertumbuhan positif

Prestasi Eksport


Eksport Malaysia pada April 2025 mencatatkan pertumbuhan positif 16.4 peratus daripada RM114.7 bilion pada April 2024 kepada RM133.6 bilion.

Pertumbuhan ini sejajar dengan peningkatan eksport domestik 9.1 peratus kepada RM100.0 bilion daripada RM91.7 bilion, mewakili 74.9 peratus daripada jumlah eksport. Eksport semula merangkumi 25.1 peratus


daripada jumlah eksport, melonjak 46.0 peratus kepada RM33.5 bilion.

Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan eksport semula meningkat 22.4 peratus atau RM6.1 bilion. Analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport meningkat 5.3 peratus kepada RM137.1 bilion.

Carta 2: Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 3: Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Eksport mengikut Negara Destinasi Utama


Singapura dan Amerika Syarikat menduduki negara destinasi teratas pada April 2025 dengan jumlah sumbangan 31.6 peratus kepada jumlah eksport Malaysia.

Eksport ke Singapura berjumlah RM23.0 bilion, mewakili 17.2 peratus daripada jumlah eksport, mencatatkan peningkatan 26.1 peratus atau RM4.8 bilion, tahun ke tahun. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi barangan elektrik & elektronik (+RM3.4 bilion, +35.5%), jentera, peralatan & kelengkapan (+RM504.5 juta, +35.2%) dan kelengkapan pengangkutan (+RM367.4 juta, +162.1%).

Sementara itu, eksport ke Amerika Syarikat sebagai negara destinasi kedua tertinggi pada April 2025, berjumlah RM19.2 bilion dan menyumbang 14.4 peratus kepada jumlah eksport Malaysia, meningkat 45.6 peratus atau RM6.0 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan ini dipacu oleh eksport yang lebih tinggi barangan elektrik & elektronik (+RM4.8 bilion, +63.7%); makanan diproses (+RM433.3 juta, +452.7%); dan keluaran perkilangan lain (+RM430.2 juta, +41.8%).

Eksport ke negara destinasi utama iaitu Singapura, China dan Indonesia mencatat perkembangan positif kecuali Hong Kong.

Carta 4: Perubahan Tahunan Eksport bagi Negara Destinasi Utama, April 2024 dan April 2025



Eksport ke Negara ASEAN


Eksport ke negara ASEAN, mewakili 30.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia mencatatkan nilai RM40.7 bilion dengan pertumbuhan 18.3 peratus.

Kenaikan ini disumbangkan terutamanya oleh barangan elektrik & elektronik yang meningkat 43.2 peratus atau RM5.4 bilion, diikuti oleh jentera, kelengkapan dan peralatan

(+RM615.9 juta, +27.0%); dan gas asli cecair (+RM352.5 juta, +143.3%).

Singapura mendahului negara anggota ASEAN dengan menyumbang lebih separuh daripada jumlah eksport ASEAN (56.5%), mencatatkan nilai RM23.0 bilion, berkembang 26.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Carta 5: Peratusan Sumbangan Eksport ke Negara ASEAN, April 2025



Prestasi Eksport mengikut Sektor Ekonomi


Eksport barangan perkilangan meningkat 19.0 peratus atau RM18.5 bilion pada April 2025, menyumbang 86.7 peratus kepada jumlah eksport. Penyumbang utama kepada pertumbuhan adalah barangan elektrik & elektronik (+RM15.8 bilion, +35.4%), jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM1.5 bilion, +31.0%), dan keluaran perkilangan lain (+RM826.9 juta, +19.9%).

Eksport hasil perlombongan yang mewakili 6.1 peratus daripada jumlah eksport menyusut 1.3 peratus kepada RM8.1 bilion, berpunca daripada eksport yang lebih rendah bagi

petroleum mentah (-RM218.4 juta, -8.7%), bijih logam & serpihan logam (-RM152.7 juta, -17.6%) dan mineral dan baja mentah (-RM38.9 juta, -27.5%).

Eksport keluaran pertanian yang mewakili 6.3 peratus daripada jumlah eksport mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus kepada RM8.5 bilion. Peningkatan itu adalah sejajar dengan kenaikan eksport keluaran pertanian yang lain (+RM178.3 juta, +20.7%), minyak kelapa sawit & hasil pertanian berasaskan minyak kelapa sawit, (+RM113.1 juta, +1.8%) dan minyak sayuran lain (+28.1 juta, +10.3%).

Paparan 1: Eksport mengikut Sektor, April 2024 dan April 2025



Eksport mengikut Produk Utama Terpilih



Peningkatan prestasi eksport pada April 2025 dipengaruhi oleh peningkatan dalam produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik, meliputi 45.1 peratus daripada jumlah eksport, berkembang 35.4 peratus, dari RM44.5 bilion kepada RM60.2 bilion;
- Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (7.3% daripada jumlah eksport), meningkat 8.2 peratus atau RM739.1 juta kepada RM9.8 bilion. Bagaimanapun, eksport minyak sawit, komoditi utama dalam kumpulan produk ini mencatatkan pengurangan RM191.7 juta atau 3.8 peratus, seiring penurunan volum eksport (-7.4%). Seterusnya, harga minyak sawit tempatan susut 8.9 peratus kepada RM4,319.50 per tan metrik; dan
- Gas asli cecair menyumbang 3.4 peratus kepada jumlah eksport, meningkat RM286.5 juta atau 6.7 peratus kepada RM4.6 bilion. Volum eksport meningkat 10.0 peratus manakala nilai purata seunit menurun 3.0 peratus.

Walau bagaimanapun, penurunan telah direkodkan untuk produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis, merangkumi 5.8 peratus daripada jumlah eksport, menurun 9.0 peratus atau RM762.7 juta kepada RM7.7 bilion;
- Petroleum mentah, yang merangkumi 1.7 peratus daripada jumlah eksport, susut RM218.4 juta atau 8.7 peratus kepada RM2.3 bilion walaupun dengan pertambahan volum eksport (+15.5%) sejajar dengan penurunan harga minyak Brent kepada RM299.1 setong menjana nilai purata seunit turun 20.9 peratus;
- Kayu & hasil keluaran kayu turun 7.9 peratus atau RM148.7 juta kepada RM1.7 bilion, seterusnya menyumbang 1.3 peratus kepada jumlah eksport; dan
- Getah asli yang mencakupi 0.2 peratus daripada jumlah eksport, menyusut 7.8 peratus atau RM28.2 juta kepada RM0.3 bilion. Ia selaras dengan pengurangan volum eksport (-24.9%) namun kenaikan bagi harga getah SMR20 (+0.6%).

Paparan 2: Eksport Produk Utama Terpilih, April 2024 dan April 2025

 45.1 peratus	 7.3 peratus	 5.8 peratus	 3.4 peratus	 1.7 peratus	 1.3 peratus	 0.2 peratus
Barangan Elektrik & Elektronik	Minyak Kelapa Sawit & Hasil Keluaran Berasaskan Minyak Kelapa Sawit	Keluaran Petroleum Bertapis	Gas Asli Cecair	Petroleum Mentah	Kayu & Hasil Keluaran Kayu	Getah Asli
RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)	RM bilion y-o-y (%)
60.2 +35.4	9.8 +8.2	7.7 -9.0	4.6 +6.7	2.3 -8.7	1.7 -7.9	0.3 -7.8
44.5 +0.6	9.0 +13.4	8.5 -21.0	4.3 +13.2	2.5 +64.9	1.9 +31.3	0.4 +51.4

Nota: Sumbangan April 2025 April 2024

IMPORT


Import terus mengatasi pertumbuhan eksport, berkembang dua angka, 20.0 peratus mencecah RM128.4 bilion

Prestasi Import


Nilai import Malaysia pada April 2025 terus mencatatkan peningkatan 20.0 peratus atau RM21.4 bilion, mencecah RM128.4 bilion. Berdasarkan bulan ke bulan, import turut meningkat 14.1 peratus atau RM15.8 bilion. Merujuk kepada analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import meningkat 19.8 peratus kepada RM131.5 bilion.

Perbandingan tahun ke tahun, import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan pertumbuhan positif dengan peningkatan dalam barangan modal (+114.1%), akan tetapi mencatatkan penurunan dalam barangan perantaraan (-1.7%) dan barangan penggunaan (-0.7%).

Carta 6: Import Nilai (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 7: Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Import Mengikut Negara Asal Utama


China dan Amerika Syarikat kekal sebagai dua negara asal utama bagi import Malaysia pada April 2025, dengan jumlah sumbangan 37.6 peratus kepada jumlah import.

Import dari China yang mewakili 23.2 peratus daripada import Malaysia, meningkat 20.6 peratus kepada RM29.8 bilion. Pertumbuhan ini dirangsang oleh barangan elektrik & elektronik yang meningkat 33.2 peratus atau RM3.2 bilion, jentera, kelengkapan & peralatan (+RM770.5 juta, +25.7%) dan kelengkapan pengangkutan (+RM700.6 juta, +70.8%).

Import dari Amerika Syarikat bernilai RM18.5 bilion, merangkumi 14.4 peratus daripada import Malaysia, meningkat 111.8 peratus atau RM9.7 bilion tahun ke tahun. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh import barangan elektrik & elektronik yang lebih tinggi (+RM9.3 bilion, +316.7%), jentera, kelengkapan dan peralatan (+RM703.1 juta, +51.8%) dan kelengkapan pengangkutan (+RM410.6 juta, +58.5%).

Perubahan tahunan import dari sepuluh negara asal utama mencatatkan peningkatan kecuali Kesatuan Eropah, Jepun dan Thailand berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Carta 8: Perubahan Tahunan Import bagi Negara Asal Utama, April 2024 dan April 2025




Import dari Negara ASEAN

Import dari negara ASEAN meningkat dengan pertumbuhan sebanyak 1.9 peratus pada April 2025 kepada RM26.9 bilion. Ia meliputi 21.0 peratus daripada jumlah import Malaysia. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh import barangan elektrik & elektronik yang lebih tinggi (+RM857.7 juta, +11.8%); minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak

sawit (+RM293.3 juta, +109.3%) dan barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (RM154.9 juta, 27.4%).

Dalam kalangan negara utama ASEAN, 51.9 peratus import Malaysia adalah dari Singapura, berkembang 0.6 peratus atau RM76.6 juta berbanding tahun sebelumnya.

Carta 9: Peratusan Sumbangan Import dari Negara ASEAN, April 2025



Prestasi Import Mengikut Sektor Ekonomi


Barangan perkilangan yang merangkumi 86.4 peratus daripada jumlah import, meningkat 24.9 peratus daripada RM88.8 bilion kepada RM110.9 bilion tahun ke tahun. Prestasi ini didorong oleh import barangan elektrik & elektronik yang lebih tinggi (+RM21.5 bilion, +65.1%); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.6 bilion, +17.6%); dan kelengkapan pengangkutan (+RM1.0 bilion, +24.0%).

Import hasil perlombongan berjumlah RM7.1 bilion, merosot 24.4 peratus berbanding tahun sebelumnya dan seterusnya menyumbang

5.5 peratus kepada jumlah import Malaysia. Penurunan ini disebabkan oleh import petroleum mentah yang lebih rendah (-RM1.2 bilion, -26.0%) dan gas asli cecair (-RM307.3 juta, -49.7%).

Import keluaran pertanian (5.6% daripada jumlah import) berkembang 10.8 peratus atau RM702.8 juta tahun ke tahun kepada RM7.2 bilion, disokong oleh import lebih tinggi bagi pertanian lain (+RM361.3 juta, +7.5%), barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM314.6 juta, +95.0%) dan makanan laut, segar, sejuk atau beku (+RM69.9 juta, +18.6%).

Paparan 3: Import mengikut Sektor, April 2024 dan April 2025



Import mengikut Produk Utama Terpilih


Import menunjukkan prestasi baik pada April 2025, dengan pertumbuhan positif dilihat dalam produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik, menyumbang 42.5 peratus kepada jumlah import, meningkat RM21.5 bilion atau 65.1 peratus kepada RM54.6 bilion; dan
- Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti yang menyumbang 2.5 peratus kepada jumlah import, meningkat 29.6 peratus atau RM746.3 juta kepada RM3.3 bilion.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan negatif direkodkan bagi produk berikut:

- Petroleum mentah, yang menyumbang 2.8 peratus kepada jumlah import, turun RM1.2 bilion atau 26.0 peratus kepada RM3.5 bilion. Ia selaras dengan penurunan nilai purata seunit (-20.8%), volum import (-6.5%) dan penurunan harga minyak Brent 30.3 peratus kepada RM299.1 setong; dan
- Keluaran petroleum bertapis menyumbang 5.6 peratus kepada jumlah import, mencatatkan penurunan RM1.3 bilion atau 15.8 peratus kepada RM7.2 bilion, dengan peningkatan volum import (+5.9%), manakala nilai purata seunit menyusut (-20.5%).

Paparan 4: Import Produk Utama Terpilih, April 2024 dan April 2025



Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum

Jumlah import pada April 2025 bernilai RM128.4 bilion, meningkat 20.0 peratus, tahun ke tahun. Tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir yang merangkumi 71.2 peratus daripada jumlah import ialah:


Barangan perantaraan, bernilai RM58.2 bilion atau 45.3 peratus daripada jumlah import, menyusut 1.7 peratus disebabkan import yang lebih rendah bagi bahan api & pelincir, utama (-RM1.6 bilion, -26.6%), bekalan perindustrian, t.s.t.l, diproses (-RM1.5 bilion, -6.6%) dan bahan api & pelincir, diproses, lain-lain (-RM1.3 bilion, -40.8%).

Barangan modal, berjumlah RM23.6 bilion (18.4% daripada jumlah import) meningkat

114.1 peratus, disebabkan oleh import yang lebih tinggi bagi barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) dengan 112.7 peratus kepada RM22.5 bilion.

Barangan penggunaan, berjumlah RM9.7 bilion (7.5% daripada jumlah import), mencatatkan penurunan 0.7 peratus, disumbang oleh import makanan dan minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah (-RM556.9 juta, -15.6 %).

**Paparan 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum,
April 2025**



EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT LOKASI

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM261.9 bilion pada April 2025 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM133.6 bilion dan RM128.4 bilion.

Eksport bernilai RM133.6 bilion pada April 2025, meningkat sebanyak RM18.9 bilion (+16.4%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM14.5 bilion), Johor (+RM3.0 bilion), Selangor (+RM3.0 bilion), Perak (+RM286.5 juta), Negeri Sembilan (+RM196.4 juta), Melaka (+RM171.8 juta), Pahang (+RM107.0 juta) dan Perlis (+RM9.4 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM1.2 bilion, Terengganu (-RM783.2 juta), Sarawak (-RM313.6 juta), Kedah (-RM228.7 juta), Kelantan (-RM96.4 juta), W.P. Labuan (-RM33.1 juta) dan Sabah (-RM22.6 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 36.7 peratus, diikuti oleh

Johor (19.7%), Selangor (18.2%), Sarawak (6.9%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.2%).

Pada masa yang sama, import pada bulan April 2025 meningkat RM21.4 bilion (+20.0%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Selangor (+RM9.0 bilion), Pulau Pinang (+RM6.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM5.3 bilion), Johor (+RM1.4 bilion), Perak (+RM303.1 juta), Kedah (+RM105.9 juta), Kelantan (+RM39.7 juta) dan Sabah (+RM27.9 juta). Walau bagaimanapun, nilai import menurun di Pahang sebanyak RM794.8 juta, Melaka (-RM674.4 juta), Negeri Sembilan (-RM526.1 juta), Sarawak (-RM306.8 juta), Terengganu (-RM130.5 juta), W.P. Labuan (-RM79.9 juta) dan Perlis (-RM3.7 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 29.7 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (22.9%), Johor (19.1%), W.P. Kuala Lumpur (10.4%) dan Kedah (5.0%).




MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

APRIL
2025

MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS

Malaysia External Trade Statistics
Apr 2024 – Apr 2025 (RM billion)



TOTAL TRADE

RM261.9 bil.
▲ 18.2%

TRADE BALANCE

RM5.2 bil.
▼ 33.0%

EXPORTS
RM133.6 bil.
▲ 16.4%

IMPORTS
RM128.4 bil.
▲ 20.0%

Imports By BEC & End Use

Intermediate
Goods

45.3%



RM58.2 bil.
▼ 1.7%

Capital
Goods

18.4%



RM23.6 bil.
▲ 114.1%

Consumption
Goods

7.5%



RM9.7 bil.
▼ 0.7%

Top 3 Trading Partners

Exports

China
RM14.4 bil.
▲ 2.1%

China



United States

United States
RM19.2 bil.
▲ 45.6%



Singapore

Singapore
RM23.0 bil.
▲ 26.1%



Imports

China
RM29.8 bil.
▲ 20.6%

United States
RM18.5 bil.
▲ 111.8%

Singapore
RM14.0 bil.
▲ 0.6%

Sectorial Performance By Exports & Imports



Manufacturing

RM115.8 bil.
▲ 19.0%

RM110.9 bil.
▲ 24.9%



Mining

RM8.1 bil.
▼ 1.3%

RM7.1 bil.
▼ 24.4%




Agriculture

RM8.5 bil.
▲ 3.5%

RM7.2 bil.
▲ 10.8%

Trading With ASEAN

EXPORTS
RM40.7 bil.
▲ 18.3%



IMPORTS
RM26.9 bil.
▲ 1.9%

Notes:

1. All changes are based on year-on-year (y-o-y) comparison
2. The April 2025 data is preliminary and subject to revision in later issues.
3. This report can be accessed through the web portal of the Department of Statistics, Malaysia (<http://www.dosm.gov.my>) under section: Latest Release

Source : Monthly External Trade Statistics, April 2025,
Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



ASEAN
MALAYSIA 2025
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY



MALAYSIA
MADANI
kemampaan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE
IN THE WORLD



20 October



2016 - 2030

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

MALAYSIA'S EXTERNAL TRADE PERFORMANCE, APRIL 2025


Malaysia's trade performance sustained a positive trend in April 2025, consistent with the rise in exports and imports, year-on-year (y-o-y). Total trade increased by RM40.3 billion or 18.2 per cent, y-o-y, reached RM261.9 billion.

Nevertheless, the trade balance experienced a decline of RM2.6 billion, a 33.0 per cent decrease from the RM7.7 billion recorded during the same period in the previous year.

The monthly comparison shows that exports and trade surplus declined by 2.7 per cent and 79.1 per cent, respectively, while imports and total trade increased by 14.1 per cent and 4.8 per cent.

Total trade, exports, and imports all showed positive trend from January to April 2025, compared to the corresponding period in the previous year. Total trade climbed by 7.2 per cent, driven by increases in exports (+7.3%), imports (+7.0%), and trade surplus (+10.4%).

Chart 1: Trade Performance: Monthly, Quarterly & Annually



EXPORTS

Malaysia's export performance in April 2025 continued to demonstrate sustained positive growth

Performance of Exports

Malaysia's exports increased by 16.4 per cent in April 2025, rising from RM114.7 billion in April 2024 to RM133.6 billion.

This growth is aligned with the 9.1 per cent increase in domestic exports to RM100.0 billion from RM91.7 billion, accounting for 74.9 per cent of overall exports. Re-exports

accounted for 25.1 per cent of total exports, up 46.0 per cent to RM33.5 billion.

Month-on-month (m-o-m) comparison showed re-exports climbed by 22.4 per cent, or RM6.1 billion. In seasonally adjusted m-o-m terms, exports rose 5.3 per cent to RM137.1 billion.

Chart 2: Domestic Exports, Re-Exports (RM billion) and Annual Change (%)





Chart 3: Actual Export Value and Seasonally Adjusted Export Value, RM billion



Export Performance for Major Country of Destination


Singapore and the United States were the top destinations in April 2025, accounting for 31.6 per cent of Malaysia's total exports.

Exports to Singapore were RM23.0 billion, accounting for 17.2 per cent of overall exports and a 26.1 per cent rise (+RM4.8 billion), y-o-y. Higher exports of electrical & electronic products (+RM3.4 billion, +35.5%), machinery, equipment & parts (+RM504.5 million, +35.2%), and transport equipment (+RM367.4 million, +162.1%) drove the growth.

Meanwhile, exports to the United States, Malaysia's second-largest destination country in April 2025, were RM19.2 billion and accounted for 14.4 per cent of total exports, up 45.6 per cent, or RM6.0 billion, y-o-y. The growth was led by increasing exports of electrical & electronic products (+RM4.8 billion, +63.7%), processed foods (+RM433.3 million, +452.7%), and other manufactured products (+RM430.2 million, +41.8%).

Exports to important destinations like Singapore, China and Indonesia showed good growth except for Hong Kong.

Chart 4: Annual Change of Exports for Major Country of Destination, April 2024 and April 2025



Exports to ASEAN Countries


Malaysia's exports to ASEAN countries accounted for 30.5 per cent of overall exports, amounting RM40.7 billion and growing by 18.3 per cent.

Electrical & electronic products accounted for 43.2 per cent of the rise (+RM5.4 billion), followed by machinery, equipment, and parts

(+RM615.9 million, +27.0%) and liquefied natural gas (+RM352.5 million, +143.3%).

Singapore led the ASEAN member states in overall exports, accounting for more than half (56.5%), with a value of RM23.0 billion, a 26.1 per cent increase from the previous year.

Chart 5: Percentage Share of Exports to ASEAN Countries, April 2025



Export Performance for Economic Sectors


Manufactured goods exports climbed by 19.0 per cent (+RM18.5 billion), accounting for 86.7 per cent of overall exports. The primary drivers of growth were electrical & electronic products (+RM15.8 billion, +35.4%), machinery, equipment and parts (+RM1.5 billion, +31.0%), and other manufactured products (+RM26.9 million, +19.9%).

Exports of mining products, which accounted for 6.1 per cent of total exports, fell by 1.3 per cent to RM8.1 billion, driven by lower exports of crude petroleum (-RM218.4 million,

-8.7%), metalliferous ores and metal scrap (-RM152.7 million, -17.6%), and crude fertilizers and minerals (-RM38.9 million, -27.5%).

Exports of agricultural products increased by 3.5 per cent to RM8.5 billion, accounting for 6.3 per cent of overall exports. The increase was consistent with the growth in exports of other agricultural products (+RM178.3 million, +20.7%), palm oil & palm oil-based agricultural products (+RM113.1 million, +1.8%), and other vegetable oils (+28.1 million, +10.3%).

Exhibit 1: Exports by Sector, April 2024 and April 2025



Exports of Selected Major Products

Export performance improved in April 2025 due to increases in the following products:

- Electrical & electronic products, accounting for 45.1 per cent of total exports, increased by 35.4 per cent, from RM44.5 billion to RM60.2 billion;
- Palm oil and palm oil-based products accounted for 7.3 per cent of total exports, increasing by 8.2 per cent or RM739.1 million to RM9.8 billion. However, palm oil exports, the principal commodity in this product group, fell by RM191.7 million, or 3.8 per cent, in accordance with the reduction in export volume (-7.4%). Subsequently, the price of local palm oil declined by 8.9 per cent to RM4,319.50 per metric tonnes; and
- Liquefied natural gas accounted for 3.4 per cent of total exports, rose by RM286.5 million or 6.7 per cent to RM4.6 billion. Export volume increased by 10.0 per cent, while average value per unit decreased by 3.0 per cent.

However, reductions were noted in the following products:

- Refined petroleum products, which accounted for 5.8 per cent of total exports, fell by 9.0 per cent or RM762.7 million to RM7.7 billion;
- Crude petroleum, which accounted for 1.7 per cent of total exports, fell by RM218.4 million or 8.7 per cent, to RM2.3 billion despite an increase in export volume (+15.5%) in line with the decline in Brent oil price to RM299.1 per barrel, resulting in a 20.9 per cent decrease in average unit value;
- Timber & timber-based products decreased by 7.9 per cent (-RM148.7 million) to RM1.7 billion, accounting for 1.3 per cent of total exports; and
- Natural rubber, which accounted for 0.2 per cent of total exports, decreased by 7.8 per cent (-RM28.2 million) to RM331.8 million. This was consistent with the decrease in export volume (-24.9%) meanwhile increase in SMR20 rubber price (+0.6%).

Exhibit 2: Exports of Selected Major Product, April 2024 and April 2025

	45.1 per cent		7.3 per cent		5.8 per cent		3.4 per cent		1.7 per cent		1.3 per cent		0.2 per cent
Electrical & Electronic Products		Palm Oil & Palm Oil-based Products		Refined Petroleum Products		Liquefied Natural Gas		Crude Petroleum		Timber & Timber-based Products		Natural Rubber	
RM billion	y-o-y (%)	RM billion	y-o-y (%)	RM billion	y-o-y (%)	RM billion	y-o-y (%)	RM billion	y-o-y (%)	RM billion	y-o-y (%)	RM billion	y-o-y (%)
60.2	+35.4	9.8	+8.2	7.7	-9.0	4.6	+6.7	2.3	-8.7	1.7	-7.9	0.3	-7.8
44.5	+0.6	9.0	+13.4	8.5	-21.0	4.3	+13.2	2.5	+64.9	1.9	+31.3	0.4	+51.4

Note: Share April 2025 April 2024

IMPORTS

Imports increased by 20.0 per cent to RM128.4 billion, outpacing export growth

Performance of Imports

Malaysia's import value increased by 20.0 per cent, or RM21.4 billion, to RM128.4 billion in April 2025. On a m-o-m basis, imports also increased by 14.1 per cent, or RM15.8 billion. According to the m-o-m seasonally adjusted terms analysis, imports rose 19.8 per cent to RM131.5 billion.

Imports by End Use increased, y-o-y, with an increase in capital goods (+114.1%), whereas intermediate goods and consumption goods decreased 1.7 per cent and 0.7 per cent, respectively.

Chart 6: Imports, Value (RM billion) and Annual Change (%)





Chart 7: Actual Import Value and Seasonally Adjusted Imports Value, RM billion



Import Performance for Major Country of Origin


China and the United States were Malaysia's two major country of origin in April 2025, accounting for 37.6 per cent of total imports.

Malaysia's imports from China climbed by 20.6 per cent to RM29.8 billion, accounting for 23.2 per cent of total imports. This growth is driven by electrical & electronic products which gained a 33.2 per cent increase (+RM3.2 billion), followed by machinery, equipment & parts (+RM770.5 million, +25.7%) and transport equipment (+RM700.6 million, +70.8%).

Imports from the United States were worth RM18.5 billion, accounting for 14.4 per cent of Malaysia's imports, increased by 111.8 per cent, or RM9.7 billion, y-o-y. This expansion was primarily driven by increased imports of electrical & electronic products (+RM9.3 billion, +316.7%), machinery, equipment & parts (+RM703.1 million, +51.8%) and transport equipment (+RM410.6 million, +58.5%).

Imports from the top 10 countries of origin increased, y-o-y, with the exception of European Union, Japan and Thailand as compared to the same period last year.

Chart 8: Annual Change for Imports for Major Country of Origin, April 2024 and April 2025




Imports from ASEAN Countries

Imports from ASEAN countries climbed by 1.9 per cent in April 2025, reaching RM26.9 billion. It accounted for 21.0 per cent of Malaysia's overall imports. Higher imports of electrical & electronic products (+RM857.7 million, +11.8%), palm oil and palm-based products (+RM293.3 million, +109.3%) and palm oil-based manufactured

products (RM154.9 million, 27.4%) drove the growth.

Malaysia's imports from Singapore increased by 0.6 per cent (+RM76.6 million) compared to the previous year, accounting for 51.9 per cent of total ASEAN imports.

Chart 9: Percentage Share of Imports from ASEAN Countries, April 2025



Import Performance for Economic Sectors


Manufactured goods, accounting for 86.4 per cent of overall imports, grew by 24.9 per cent from RM88.8 billion to RM110.9 billion, y-o-y. This performance was driven by increased imports of electrical & electronic products (+RM21.5 billion, +65.1%); machinery, equipment & parts (+RM1.6 billion, +17.6%); and transport equipment (+RM1.0 billion, +24.0%).

Mining imports amounted to RM7.1 billion, down 24.4 per cent from the previous year and accounting for 5.5 per cent of Malaysia's overall imports. The decrease was attributed to lower

imports of crude petroleum (-RM1.2 billion, -26.0%) and liquefied natural gas (-RM307.3 million, -49.7%).

Imports of agricultural products (5.6% of total imports) increased 10.8 per cent (+RM702.8 million), y-o-y, to RM7.2 billion, boosted by higher imports of other agriculture (+RM361.3 million, +7.5%), palm oil-based manufactured goods (+RM314.6 million, +95.0%), and seafood, fresh, chilled, or frozen (+RM69.9 million, +18.6%).

Exhibit 3: Imports by Sector, April 2024 and April 2025



Imports of Selected Major Products


Imports performed well in April 2025, with positive growth in the following products:

- Electrical and electronic goods accounted for 42.5 per cent of total imports and grew by RM21.5 billion, or 65.1 per cent, to RM54.6 billion; and
- Machinery & equipment specific to certain industries & spare parts climbed by 29.6 per cent (+RM746.3 million) to RM3.3 billion, accounting for 2.5 per cent of total imports.

Meanwhile, negative growth was noted for the following products:

- Crude petroleum imports, accounting for 2.8 per cent of total imports, dropped by RM1.2 billion or 26.0 per cent to RM3.5 billion. This was in line with a decrease in average unit value (-20.8%), import volume (-6.5%), and a fall in Brent oil price by 30.3 per cent to RM299.1 per barrel; and
- Refined petroleum products accounted for 5.6 per cent of total imports, falling by RM1.3 billion or 15.8 per cent to RM7.2 billion. Import volume increased by 5.9 per cent, but average unit value decreased by 20.5 per cent.

Exhibit 4: Imports of Selected Major Product, April 2024 and April 2025




Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification

Total imports in April 2025 were valued at RM128.4 billion, up 20.0 per cent, y-o-y. The three major categories of imports by End-use, accounting for 71.2 per cent of total imports, were:

Intermediate goods, accounting for RM58.2 billion or 45.3 per cent of total imports, decreased by 1.7 per cent. This was due to decrease in imports of fuel & lubricants, primary (-RM1.6 billion, -26.6%), industrial supplies, n.e.s. processed (-RM1.5 billion, -6.6%), and fuel & lubricants, processed, other (-RM1.3 billion, -40.8%).

Capital goods, surged by 114.1 per cent to RM23.6 billion (18.4 per cent of total imports), with higher imports of capital goods (except transport equipment) by 112.7 per cent reaching RM22.5 billion.

Consumption goods, fell by 0.7 per cent to RM9.7 billion (7.5 per cent of total imports), due to lower imports of food & beverages, process, mainly for household consumption (-RM556.9 million, -15.6 %).

**Exhibit 5: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
April 2025****EXPORTS AND IMPORTS BY LOCATION**

Malaysia's total trade for April 2025 amounted to RM261.9 billion with exports and imports recorded RM133.6 billion and RM128.4 billion, respectively.

Exports was valued at RM133.6 billion in April 2025, increased RM18.9 billion (+16.4%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Pulau Pinang (+RM14.5 billion), Johor (+RM3.0 billion), Selangor (+RM3.0 billion), Perak (+RM286.5 million), Negeri Sembilan (+RM196.4 million), Melaka (+RM171.8 million), Pahang (+RM107.0 million) and Perlis (+RM9.4 million). However, exports decreased in W.P. Kuala Lumpur by RM1.2 billion, Terengganu (-RM783.2 million), Sarawak (-RM313.6 million), Kedah (-RM228.7 million), Kelantan (-RM96.4 million), W.P. Labuan (-RM33.1 million) and Sabah (-RM22.6 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 36.7 per cent, followed by Johor (19.7%),

Selangor (18.2%), Sarawak (6.9%) and W.P. Kuala Lumpur (3.2%).

At the same time, imports in April 2025 increased RM21.4 billion (+20.0%) as compared to the same month in year 2024. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Selangor (+RM9.0 billion), Pulau Pinang (+RM6.9 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM5.3 billion), Johor (+RM1.4 billion), Perak (+RM303.1 million), Kedah (+RM105.9 million), Kelantan (+RM39.7 million) and Sabah (+RM27.9 million). However, imports decreased in Pahang by RM794.8 million, Melaka (-RM674.4 million), Negeri Sembilan (-RM526.1 million), Sarawak (-RM306.8 million), Terengganu (-RM130.5 million), W.P. Labuan (-RM79.9 million) and Perlis (-RM3.7 million).

Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 29.7 per cent, followed by Pulau Pinang (22.9%), Johor (19.1%), W.P. Kuala Lumpur (10.4%) and Kedah (5.0%).



BAHAGIAN II

JADUAL
STATISTIK
STATISTICAL
TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

TAHUN	NILAI					PERUBAHAN TAHUNAN				
	VALUE					ANNUAL CHANGE (%)				
	EKSPORT	EKSPORT DOMESTIK	IMPORT	JUMLAH DAGANGAN	IMBANGAN DAGANGAN	EKSPORT	EKSPORT DOMESTIK	IMPORT	JUMLAH DAGANGAN	IMBANGAN DAGANGAN
YEAR	EXPORTS	DOMESTIC EXPORTS	IMPORTS	TOTAL TRADE	BALANCE OF TRADE	EXPORTS	DOMESTIC EXPORTS	IMPORTS	TOTAL TRADE	BALANCE OF TRADE
2019	995,072	823,484	849,411	1,844,483	145,661	(0.8)	2.4	(3.5)	(2.1)	17.7
2020	983,827	799,197	800,481	1,784,308	183,345	(1.1)	(2.9)	(5.8)	(3.3)	25.9
2021	1,241,022	1,012,001	987,344	2,228,366	253,678	26.1	26.6	23.3	24.9	38.4
2022	1,550,009	1,222,034	1,293,811	2,843,821	256,198	24.9	20.8	31.0	27.6	1.0
